
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

ATW 103 - Undang - Undang Perniagaan
[Business Law]

Duration: 3 hours
[Masa: 3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

*[Please ensure that this examination paper consists of **SIX** printed pages before you begin the examination].*

Jawab **SEMUA** soalan. Jawapan anda mesti disokong dengan kes perundangan yang relevan dan seksyen daripada mana-mana akta berkanun yang relevan.

*[Answer **ALL** questions. Your answers must be supported by relevant sections from the relevant statutes and case law].*

Ambil perhatian bahawa anda boleh membuat rujukan kepada **Akta Kontrak 1950, Akta Perkongsian 1961 dan Akta Jualan Barangan 1957** semasa peperiksaan. Sila ambil perhatian bahawa anda **tidak boleh membuat apa-apa catitan atau 'highlighting'** pada akta-akta yang anda miliki.

*[You are allowed to **ONLY** bring in an **UNMARKED COPY** of the **Contracts Act 1950, the Partnership Act 1961 and the Sale of Goods Act 1957** into the examination hall].*

Soalan 1 (25 markah)

- (a) Nita menguruskan sebuah kedai roti di Kompleks Sungai Dua. Oleh sebab perniagaannya semakin baik dia memerlukan sebuah ketuhar yang baru. Nita telah pun membeli sebuah ketuhar daripada D'ovens, iaitu sebuah syarikat pengimpot dan pembekal ketuhar roti. Jurujual D'ovens mengesyorkan bahawa model mereka yang terbaru boleh mencapai suhu sekurang-kurangnya 400 darjah Celsius. Selepas mendengar pernyataan jurujual tersebut, Nita menerima ketuhar tersebut dan jurujual D'ovens memasangnya di kedai roti Nita. Selepas memasukkan roti kumpulan pertama ke dalam ketuhar yang telah ditetapkan pada suhu 400 darjah Celsius selama 20 minit, Nita mendapati bahawa roti itu masih belum masak. Ketuhar yang telah dibeli oleh Nita tidak dapat memenuhi suhu keperluan Nita.

Nita ran a bakery at the Complex Sungai Dua. Nita needed a new oven to meet the needs of her booming business. Nita decided to buy an oven from D'ovens, a company which imports and supplies ovens. D'ovens' salesman assured her that their latest model of oven features a temperature of at least 400 degrees Celsius and D'oven's salesman set up the oven at Nita's bakery. After putting in the first batch of bread and setting it at 400 degrees Celsius for 20 minutes, the bread was still uncooked. The oven supplied by D'ovens did not meet the temperature required by Nita.

- (i) Nasihati Nita dan D'ovens sama ada wujud kemungkiran syarat kontrak. Jikalau terdapat kemungkiran syarat, bolehkah Nita menganggap kemungkiran tersebut sebagai suatu kemungkiran waranti?

Advise Nita and D'ovens, whether there is a breach of the condition of the contract. If there is a breach of the condition of the contract, would Nita be able to treat such breach as a breach of warranty?

[10 markah/marks]

- (ii) Apakah hak Nita dan D'ovens dalam kes ini dari segi Akta Jualan Barangan 1957 ?

What are Nita's and D'ovens' rights under the Sale of Goods Act 1957?

[5 markah/marks]

- (b) Power Sagas, sebuah syarikat mengilang kereta menghendaki cermin depan kereta yang direkabina khas mengikut spesifikasinya. Cermin depan kereta juga mesti menepati keperluan kualiti yang ditetapkan oleh piawai antarabangsa. Power Sagas berkontrak dengan Axons Engineering, sebuah pengeluar utama dan pembekal cermin depan kaca fiber. Axons Engineering diberi kontrak tersebut kerana ia menggunakan teknologi terkini dalam pembuatan cermin depan kaca fiber dan juga kerana pembuatan cermin depan kaca fiber yang direkabina khas untuk kereta mematuhi piawai antarabangsa. Axons Engineering juga berkeupayaan membekal cermin depan kaca fiber yang direkabina khas untuk kereta-kereta yang dikilang oleh Power Sagas. Setelah Axons Engineering mula menghantar serah cermin depan, maka Power Sagas pun mula memasang cermin depan kepada rangka cermin depan. Power Sagas terpaksa berhenti pemasangan cermin depan kerana ia tidak muat ke dalam rangka cermin depan dan juga kerana Axons Engineering tidak mengikut spesifikasi rekabina. Power Sagas membuat tuntutan pampasan sebanyak RM2 juta.

Nasihati kedua-dua pihak dari segi hak masing-masing mengikut Akta Jualan Barangan 1957?

Power Sagas, a car manufacturer required windscreens specifically designed to meet its specifications. The windscreens must also comply with quality requirements set by international standards. Power Sagas contracted with Axons Engineering, a leading manufacturer and supplier of automobile fiber glass windscreens. Axons Engineering was given the contract because they used the latest technology to manufacture the fiber glass windscreens and their windscreens complied with international standards. Axons Engineering had the capability to supply fiber glass windscreens designed specially for cars manufactured by Power Sagas. Axons Engineering met with their delivery schedule and Power Sagas started attaching the delivered fiber glass windscreens on to the windscreen frames of their cars. Power Sagas had to then stop attaching the windscreens on to the windscreen frames because the windscreens did not meet with specifications. Power Sagas claimed for RM2 million in compensation.

Advice both the parties as to their rights under the Sale of Goods Act 1957.

[10 markah/marks]

Soalan 2 (25 markah)

- (a) Jawab soalan-soalan berikut.

Answer the following questions.

- (i) Terangkan definisi 'perjanjian sewa-beli' berdasarkan seksyen yang relevan dalam Akta Sewa Beli 1967.

Explain what is meant by a 'hire-purchase agreement' based on the relevant section in the Hire-purchase Act 1967.

[2 markah/marks]

...4/-

- (ii) Nyatakan tiga (3) jenis barangan yang dilindungi oleh Akta Sewa Beli 1967 berdasarkan seksyen yang relevan dalam Akta Sewa Beli 1967.

State any three types of goods covered by the Hire Purchase Act 1967 and the relevant section.

[3 markah/marks]

- (b) Mary telah membeli sebuah mesin basuh secara sewa beli. Beliau telah memasuki perjanjian sewa beli dengan XYZ Finance. Cindy telah bertindak sebagai penjamin. Mary telah gagal membayar dua ansuran bulanan secara berturut-turut. Apakah liabiliti dan hak-hak ketiga-tiga pihak iaitu, Mary, Cindy dan XYZ Finance dari segi perundangan sewa beli?

Mary bought a washing machine under a hire-purchase agreement with XYZ Finance, with Cindy as her guarantor. Mary defaulted in her monthly installments for the last 2 consecutive months. What are the rights and liabilities of Mary, Cindy and XYZ Finance?

[10 markah/ marks]

- (c) Sam, adalah pemilik sebuah van. Setiap hari, Sam menggunakan vannya untuk membekalkan peralatan menulis kepada pelanggannya di Butterworth. Sam telah membeli polisi insuran motor 'pihak ketiga' dari Ace Insurance Co. Polisi tersebut mengandungi suatu syarat yang mengecualikan syarikat insuran daripada liabiliti ke atas kematian penumpang-penumpang selain daripada mereka yang merupakan pekerja di bawah kontrak perkhidmatan dengan Sam. Pada suatu hari, Sam sedang memandu vannya di Gelugor, apabila dia berhenti dan menumpangkan Alan seorang pengembara yang juga menuju ke Butterworth. Semasa memandu di Jambatan Pulau Pinang van yang dipandu oleh Sam terbabas kerana kecuaiannya Sam. Sam tidak cedera tetapi Alan mati dalam kemalangan tersebut.

Nasihati pihak-pihak berkenaan sama ada Syarikat Insuran Ace, dikehendaki membayar pampasan kepada Sam dan estet Alan sekiranya tuntutan dibuat di atas polisi insuran tersebut.

Sam owns a van. He uses it everyday to supply stationary to his customers in Butterworth. Sam took a third-party motor policy for his van from Ace Insurance Co. The Policy contained a clause exempting the insurers from liability for death of person(s) carried in a vehicle other than a passenger carried by reason of or in pursuance of a contract of employment with Sam. Sam was driving along Gelugor when he stopped and gave a lift to Alan, a hitch-hiker going to Butterworth. When Sam was driving on the Penang Bridge, the van overturned due to Sam's negligence. Sam escaped unhurt but Alan was killed.

Advise the parties as to whether, ACE Insurance is liable to indemnify Sam and Alan's estate.

[10 markah/marks]

Soalan 3 (25 markah)

- (a) Berkenaan dengan undang-undang tort, terangkan dengan ringkas maksud terma perundangan yang dinyatakan di bawah:

In relation to the law of tort, briefly explain the following legal terms

- (i) Kecuaian;

Negligence;

[3 markah/marks]

- (ii) Prinsip 'jiran' seperti yang dinyatakan oleh Lord Atkins dalam kes Donoghue v. Stevenson;

The 'neighbour' principle as stated by Lord Atkins in Donoghue v. Stevenson;

[3 markah/marks]

- (iii) Tanggungjawab berhati-hati;

Duty of care;

[3 markah/marks]

- (iv) Kerugian yang jauh;

Remoteness of damages;

[3 markah/marks]

- (v) Kecuaian sumbangan.

Contributory negligence.

[3 markah/marks]

- (b) Alex memandu motosikalnya dengan cuai dan melanggar Bakar, seorang pejalan kaki yang melintas jalan di hadapan pintu masuk universiti di Jalan Sungai Dua. Wujud sesuatu lampu isyarat untuk pejalan kaki tetapi, Bakar terus melintas jalan tanpa menunggu lampu isyarat bertukar kepada warna hijau. Walaupun, Bakar telah nampak Alex menuju dengan laju dia masih mengambil keputusan untuk melintas jalan tersebut. Alex pula nampak Bakar melintasi jalan tetapi dia tidak dapat berhenti kerana beliau memandu motosikalnya terlalu laju dan lampu isyarat untuk pengguna jalan raya yang bukan pejalan kaki masih hijau.

Nasihati kedua-dua pihak berkenaan dengan hak dan liabiliti mereka dari segi undang-undang tort.

Alex drove his motorcycle negligently and knocked into Bakar, a pedestrian who was crossing the road opposite the entrance to the university along Jalan Sungai Dua. There was a pedestrian crossing with a traffic light but Bakar did not wait for the light to turn green before crossing. Although, Bakar saw Alex coming at a speed Bakar still decided to cross the road. Alex saw Bakar crossing the road but he could not stop his motorcycle on time to prevent the accident because he was speeding and the traffic light was still green for road users to travel.

Advice both parties as to their rights and liabilities in the law of tort.

[10 markah/marks]

Soalan 4 (25 markah)

- (a) Apakah kesan dari segi perundangan dalam hal-hal berikut:

What are the legal effects of the following:

- (i) sekeping cek di mana tandatangan penyuruh bayar cek dipalsukan (forged);

where the drawer's signature is forged on the cheque;

[5 markah/marks]

- (ii) di mana penukaran nama penerima berlaku tanpa kebenaran penyuruh bayar cek.

where a change was made to the payee's name without the drawer's authority.

[5 markah/marks]

- (b) Jason telah membuka akaun semasa dengan Bank ABC. Jason telah mengeluarkan beberapa cek yang telah dikembalikan oleh pihak bank kerana akaun semasa Jason tidak ada wang. Cek-cek tersebut telah dikembalikan dengan alasan 'rujuk kepada penyuruh bayar'. Oleh demikian, Jason menuntut gantirugi daripada Bank ABC kerana Bank ABC telah menolak secara salah cek-cek yang di keluarkan oleh Jason tanpa alasan yang baik. Nasihati Bank ABC dan Jason berkenaan dengan hak dan liabiliti mereka dari segi perundangan dibawah Akta Bil Pertukaran 1949.

Jason opened a current account with ABC Bank. Jason issued several cheques which were dishonoured by the bank due to insufficient funds in Jason's current account. The cheques were returned by the bank with the reason 'refer to drawer'. Jason brought an action for damages against ABC Bank for wrongfully dishonouring the cheques drawn by him without a good reason. Advice the ABC Bank and Jason as to their rights and liability under the Bills of Exchange Act 1949.

[15 markah/marks]